



'BLUE PRINT' KEBERSIHAN

(KAWASAN BUKIT BINTANG)



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR



PERUTUSAN DATUK BANDAR

Perpustakaan Kuala Lumpur
(Kuala Lumpur Resource Centre)



**YBHG. DATUK
HAJI AHMAD PHEBAL B. HAJI TALIB
DATUK BANDAR KUALA LUMPUR**

MENJAGA kebersihan adalah rutin harian setiap insan, walau di mana kita berada. Ia bukan sesuatu yang hanya dilakukan pada waktu tertentu, tetapi perlu dilandasi dalam setiap tindak sama ada zahir ataupun batin. Peribadi bersih adalah lambang hati yang suci. Justeru, jika kita mampu membina sahsiah yang jauh daripada sifat mazmumah, sudah tentu kita mempunyai hati yang suci daripada bintik hitam mengotarkan. Budaya gotong-royong membersihkan kawasan sentiasa diamalkan sejak sekian lama di negara kita. Ianya adalah satu contoh amalan baik yang perlu diteruskan dan dilakukan dengan konsisten.

Walau bagaimanapun, lebih baik jika amalan itu diteruskan setiap hari. Buat masa ini usaha itu dijadikan agenda komuniti ataupun program tertentu yang hanya dilakukan pada waktu yang terbatas. Adalah lebih baik jika sifat mencegah kekotoran, menjaga kebersihan dan persekitaran menjadi tanggungjawab setiap warga kota. Saya berharap melalui "Blueprint" yang dirangka khas ini, dapat diterjemahkan dalam bentuk tindakan fizikal dan dapat dijadikan sebagai terma rujukan kepada semua pihak yang terlibat. Ini akan menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandaraya yang selesa diduduki.



'BLUE PRINT' KEBERSIHAN KUALA LUMPUR



PENDAHULUAN

Program Kebersihan 3K DBKL telah dibentang di mesyuarat Jawatankuasa PEMUDAH : SPECIAL TASK FORCE DBKL Bil .5/2011 pada 14 September 2012. Lima (5) elemen utama telah dikenalpasti di dalam 'Blue Print' Kebersihan KL. Kelima-lima elemen tersebut adalah :

- i. Memperkasakan organisasi DBKL khususnya Pejabat-Pejabat Cawangan.
- ii. Penambahbaikan kepada infrastruktur khususnya jalan dan longkang.
- iii. Penambahbaikan kepada pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam/ menilai semula tahap perkhidmatan AFSB bersama dengan PPSPPA.
- iv. Mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan DBKL.
- v. Mempertingkatkan tahap kesedaran awam terhadap aspek kebersihan melalui saling kaitan (engagement) dengan pihak - pihak berkepentingan (LA21).

